



# RESOLUSI

## MAWQIF

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

4 APRIL 2026

---



**HUBUNGI KAMI:**

Admin Sistem

[Info@multaqaalmaarif.com](mailto:Info@multaqaalmaarif.com)

# RESOLUSI

## MAWQIF

**MESYUARAT MAWQIF BIL. 01**

4 APRIL 2026

**BARISAN FELO SISTEM**

MULTAQA AL-MA'ARIF POINT

## **BUTIRAN**

### **MESYUARAT MAWQIF BIL. 01**

**Hari** : Sabtu

**Tarikh** : 4 April 2026

**Waktu** : 21:30 – 23:02

**Platform** : Dalam talian, Streamyard

# ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	3
Kata Alu-Aluan Ketua Eksekutif Felo	5
Petunjuk Mawqif:	7
Agenda 1:	
ISU MEMIJAK MUSHAF AL-QURAN AL-KARIM	8
Agenda 2:	
PENDIRIAN UMAT ISLAM: IRAN VS ISRAEL/AMERIKA SYARIKAT	10
Agenda 3:	
KENYATAAN MEMASTIKAN (JAZM) SESEORANG MATI SYAHID	14
Agenda 4:	
HUKUM PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT PADA HARI RAYA	17
Agenda 5:	
KAEDAH PENETAPAN BULAN HIJRI BAHARU	19
Agenda 6:	
MENGGABUNGKAN PUASA 6 SYAWAL DENGAN PUASA QADA'	20
Agenda 7:	
HUKUM BERMAIN MERCUN (KONTEKS: UMUM/HARI RAYA)	22
Agenda 8:	
SOALAN: ZAKAT FITRAH TAK SAH JIKA MAKAN BASMATHI	26
Agenda 9:	
HUKUM BAYAR ZAKAT BUAT PIHAK BUKAN TANGGUNGAN	27
Agenda 10:	
DERMA DARAH KETIKA BERPUASA, BATAL ATAU TIDAK	28
Agenda 11:	
STATUS HADITH TANDA-TANDA LAYLATUL QADAR	30
Agenda 12:	
ALTERNATIF HADITH DA'IF FADILAT BERSEDEKAH	31

Agenda 13:

DALIL SUAMI WAJIB MEMBERI PAKAIAN BAHARU SETIAP 6 BULAN 32

Agenda 14:

MUSAFIR NIAT JAMA' TA'KHIR & TIBA DI LOKASI LEBIH AWAL 34

Rujukan 35

## KATA ALU-ALUAN KETUA EKSEKUTIF FELO SISTEM

Ketua Eksekutif Felo

BARISAN FELO SISTEM MULTAQQA AL-MA'ARIF



**AL-USTAZ ABU MUSLIM  
SYIMIR ASYRAAF BIN EDDIE HALIM**  
FELO UTAMA  
FELO KANAN (HADITH/AKIDAH)  
CALON PHD HADITH, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Segala puji bagi Allah 'azza wa Jalla, Pencipta sekalian Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga Baginda ﷺ, para Sahabat dan orang yang mengikuti jejak langkah mereka dengan baik.

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Ilahi, saya merakamkan penghargaan atas penerbitan Resolusi Mawqif Mesyuarat Mawqif Bil. 01, yang menjadi manifestasi kesungguhan dalam meneliti, membahaskan dan merumuskan pendirian terhadap isu-isu semasa berteraskan disiplin ilmu yang sahih dan pendekatan yang berautoriti.

Resolusi ini bukan sekadar catatan perbincangan, bahkan merupakan natijah daripada proses ijtihad jama'i yang mempertimbangkan dalil-dalil syarak, realiti semasa serta maqasid yang seimbang. Ia diharapkan dapat menjadi panduan yang jelas kepada masyarakat serta rujukan yang diyakini dalam menghadapi pelbagai persoalan yang timbul.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa, para penyelidik, serta semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan kepakaran dalam menjayakan mesyuarat ini. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan mencerminkan amanah besar dalam memelihara ketepatan ilmu dan kejelasan pendirian.

Akhir kata, semoga resolusi yang dihasilkan ini diberkati oleh Allah ‘azza wa Jalla, diterima sebagai amal soleh, serta memberi manfaat yang luas kepada umat. Mudah-mudahan segala usaha ini menjadi sebahagian daripada sumbangan kecil dalam memperkukuhkan kefahaman agama dan membimbing masyarakat ke arah kebenaran.

Sekian, Jazākumullāh Khayrā.

  
SYIMIR ASYRAAF BIN EDDIE HALIM

## **PETUNJUK MAWQIF**

**MM** : Mesyuarat Mawqif

**01** : Bil. 01

**01** : Mawqif ke-01

**04** : Tarikh MM

**04** : Bulan MM

**26** : Tahun MM

**KEPUTUSAN:**

Barisan Felo memutuskan bahawa isu ini termasuk dalam perkara yang diperselisihkan oleh ahli ilmu, dan pendapat mazhab setempat hendaklah diraikan dalam hal ini. Oleh itu, solat Jumaat tidak gugur kewajipannya buat yang telah melaksanakan solat hari Raya.

**Nombor Siri Mawqif:**

MM/01/4 (04/04/26)

**Penjelasan:**

Setelah meneliti dalil-dalil syarak serta pandangan para fuqaha, Barisan Felo memutuskan untuk meraikan mazhab setempat dalam isu ini, iaitu mazhab al-Shāfi‘ī.

Dalam hal ini, mazhab al-Shāfi‘ī bersependapat dengan majoriti ahli ilmu bahawa kewajipan solat Jumaat tidak gugur, sama ada bagi penduduk bandar, pekan, kampung atau karyah dengan pelaksanaan solat hari Raya.

Antara dalil yang dijadikan hujah dalam penetapan ini adalah seperti berikut:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّ هَذَا يَوْمٌ قَدْ اجْتَمَعَ لَكُمْ فِيهِ عِيدَانِ، فَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يَنْتَظِرَ الْجُمُعَةَ مِنْ أَهْلِ الْعَوَالِي فَلْيَنْتَظِرْ،  
وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يَرْجِعَ فَقَدْ أَذِنْتُ لَهُ

Maksud: " *Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya hari ini telah berkumpul bagi diri kamu dua hari raya (Aidiladha dan hari Jumaat). Barangsiapa daripada kaum al-Awali yang suka untuk menunggu sehingga solat Jumaat, maka tunggulah. Barangsiapa yang hendak balik maka aku benarkan.*"

(HR. Al-Bukhārī dalam *al-Ṣaḥīḥ* no. 5251)

Al-Nawawī menjelaskan bahawa *al-‘Awālī* ialah kampung-kampung di sekitar Madinah, di mana yang paling hampir daripadanya adalah sekitar tiga hingga empat batu, manakala yang paling jauh mencecah lapan batu.

Sehubungan itu, Zakariyyā al-Anṣārī menyatakan *rukhsah* diberikan kepada mereka disebabkan oleh kesukaran serta jauhnya jarak untuk kembali menunaikan solat Jumaat.

Oleh itu, al-Nawawī dalam *Sharḥ al-Muhadhdhab* mengatakan seperti berikut:

اما الأحكام فقال الشافعي والأصحاب إذا اتفق يوم الجمعة يوم عيد وحضر أهل القرى الذين تلزمهم الجمعة لبلوغ نداء البلد فصلوا العيد لم تسقط الجمعة بلا خلاف عن أهل البلد وفي أهل القرى وجهان الصحيح المنصوص للشافعي في الأم والقديم أنها تسقط

Maksud: “Adapun dari sudut hukum, maka al-Shāfi‘ī dan para ulama mazhabnya berkata: Apabila hari Jumaat bertepatan dengan hari raya, dan hadir penduduk kampung yang diwajibkan ke atas mereka solat Jumaat kerana sampai seruan dari bandar, lalu mereka menunaikan solat hari raya, maka kewajipan solat Jumaat tidak gugur tanpa khilaf bagi penduduk bandar. Adapun bagi penduduk kampung, terdapat dua pandangan; dan pandangan yang sahih serta yang dinaskan oleh al-Shāfi‘ī dalam kitab al-Umm, serta juga dalam pendapat lamanya, ialah bahawa kewajipan solat Jumaat gugur ke atas mereka.”

### **Cadangan:**

Barisan Felo dengan ini menggalakkan masyarakat umum untuk berpegang dan beriltizam dengan pendapat mazhab setempat dalam isu ini demi menjaga kesatuan dan keharmonian amalan.

Adapun bagi ahli ilmu yang mempunyai kefahaman serta pendirian tersendiri, maka beramallah berdasarkan pendirian tersebut dengan penuh tanggungjawab, serta bersama-sama membantu dalam memupuk kefahaman dan menyuburkan adab berikhtilaf dalam kalangan masyarakat.

